

Dilema gadis cintai duda

Keluarga halang percintaan kerana perbezaan darjat

Soalan

KELUARGA saya berpendidikan tinggi dan luas dalam pengetahuan agama.

Saya kematian Ibu 19 tahun yang lalu. Masalah ini bukan berkaitan keluarga, tetapi soal restu keluarga dalam perhubungan.

Saya ada seorang teman lelaki berstatus duda (A) tanpa anak. Usia dia dan saya jauh berbeza iaitu 17 tahun.

Walaupun usia saya baru saja mencecah 21 tahun dan baru menamatkan pengajian, tapi keinginan saya untuk berkahwin makin terasa. Dia mahukan hubungan kami diakhiri dengan hubungan yang sah.

Seluruh keluarga saya menghalang dan tidak merestui hubungan kami hanya kerana dia berpendidikan tidak setaraf, selain kisah lalu kehidupan zaman bujang teman lelaki yang terlalu bebas.

Tambahan pula, pengetahuan dia mengenai agama tidak setanding keluarga saya. Ini menguatkan lagi alasan mengapa keluarga saya tidak dapat menerimanya.

Setiap malam saya selalu mengerjakan solat sunat supaya Allah dapat memberi petunjuk kepada saya. Semakin banyak saya melakukan solat sunat, makin kuat keinginan saya untuk bersamanya.

Adakah Allah sudah memberi petunjuk kepada saya tanpa saya menyedarinya atau sebaliknya?

Dulu saya pernah dirogol seorang lelaki dan masih dalam pembicaraan mahkamah.

Saya sudah menceritakan semua mengenainya pada teman lelaki dan dia dapat menerimanya dengan baik. Saya amat menghormatinya kerana dia tidak pernah mengambil kesempatan atas saya.

Dia menjaga saya seperti saya isterinya. Jika saya ada masalah, dia sentiasa ada di samping untuk menolong

dan memberi kata-kata semangat.

Sikap matang dan keprihatinannya itu membuatkan hati saya tertutup untuk mencari lelaki lain.

Sudah dua tahun kami pertahankan hubungan ini, tetapi sampai bila kami hendak bertahan? Apa yang perlu saya lakukan?

DALAM DILEMA Terengganu

Jawapan

LELAKI yang dapat menerima gadis yang mempunyai sejarah hidup pahit memang baik.

Dalam situasi adik yang mempunyai kes mahkamah, agak sukar untuk menemui lelaki yang dapat menerima adik seadanya dan menjadikan sebagai pasangan.

Jika tidak menemui lelaki yang betul-betul dapat menerima adik dan kisah lampau, masalah lain seperti menimbulkan semula peristiwa pahit akan berlaku.

Ini mungkin akan memberi kesan negatif dalam kehidupan berumah tangga.

Justeru, adik memang sangat bertuah mempunyai A yang sudi menjadi pasangan hidup. Namun, setiap masa kehidupan ini adalah dugaan.

Konflik datang menduga hati dan ketabahan kehidupan. Pilihan hati adik menjadi tentangan keluarga. Kata orang, cinta dan setia itu pilihan, bukan sejalan, lantaran adik menghadapi kesukaran dalam memilih antara kehendak hati dengan keinginan keluarga.

Cinta itu aneh, semakin kita berusaha menghapusnya dari hati, semakin sering cinta itu muncul di fikiran. Sebab itu adik tidak dapat melupakan A.

Pelbagai cara adik lakukan, namun getaran cinta itu semakin terasa. Apatah lagi, sikap matang dan keprihatinan A membuatkan hati adik benar-benar tertutup untuk mencari lelaki lain.

Konflik wujud apabila keluarga tidak merestui sesuatu perhubungan cinta. Adik juga sukar untuk menentang keluarga kerana salah satu saat terindah dalam hidup adalah ketika melihat orang tuamu tersenyum dan menyedari kamulah alasan hidupnya. Sememangnya restu keluarga dalam pemilihan jodoh amat penting.

Dari segi ciri pemilihan calon suami, tentu sekali perbezaan umur yang sangat jauh serta kisah masa lalu yang terlalu bebas bukanlah ciri pilihan terbaik dalam kebanyakan keluarga. Tidak hairan jika A bukan pilihan.

Untuk melepaskan A juga adalah satu kerugian kerana sememangnya dia adalah lelaki yang berada di sisi apabila adik memerlukan sokongan.

Pepatah cinta ada mengatakan: "Jika kamu bertemu seseorang yang senyumnya mampu membuat dirimu tersenyum, kamu mungkin menemukan orang yang tepat untuk hidupmu."

Jika cinta A terhadap adik utuh seperti besi, tiada yang dapat melunturkannya biar apa pun dugaan mendatang. Oleh itu, cara terbaik ialah A berusaha dengan lebih kuat lagi untuk memenangi hati keluarga adik. Lakukan yang terbaik dengan penuh keikhlasan untuk keluarga adik dan buktikan adik dan A serius dalam perhubungan ini.

Cinta mengatakan jangan sesekali mengucap selamat tinggal jika kamu masih mahu mencuba. Jangan sesekali menyerah jika kamu masih sanggup, jangan sesekali mengatakan tidak mencintainya jika kamu masih tidak dapat melupakannya.

Adik juga perlu menjelaskan kepada keluarga kesanggupan A untuk memperisterikan adik adalah satu rahmat. Jelaskan kepada keluarga perbezaan umur, kisah silam A dan taraf pendidikan A yang rendah bukanlah penentu dalam kebahagiaan rumah tangga.



Jika A dapat menerima kisah silam adik, mengapa keluarga adik tidak dapat menerima A.

Dalam hidup ada kalanya apa yang kita inginkan memang tidak akan menjadi kenyataan.

Jika cinta adik dan A tidak kesampaian kerana tentangan keluarga sangat kuat, adik perlu redha.

Dr tahu, amat sukar untuk adik melupakan cinta indah yang datang ini.

Cuma, soal jodoh bukan di tangan kita, ia ketentuan Tuhan. Setiap perkara yang berlaku ada hikmahnya kerana kita tidak tahu perancangan Allah terhadap setiap hamba-Nya. Allah lebih mengetahui apa yang terbaik.

Keindahan cinta amat sukar dilupa. Adakalanya mengambil masa agak lama untuk hilang.

Tetapi, demi masa, cinta itu akan beransur hilang sekiranya berjumpa dengan seseorang yang tercipta untuk diri adik.

Dr doakan adik akan bertemu sesiapa saja yang dicipta untuk adik.